

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING
(STAMPIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.06.2014

Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang yang telah pun dilaburkan oleh kedua-dua syarikat/badan iaitu Khazanah serta EPF dalam syarikat MAS termasuk pembelian saham MAS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon izin untuk menjawab kedua-dua pertanyaan YB Stampin secara bersekali memandangkan pertanyaan-pertanyaan adalah

berkaitan isu yang sama iaitu jumlah pelaburan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam Malaysia Airline System Bhd (MAS).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 April 2014, pegangan saham MAS oleh Khazanah adalah sebanyak 69.37% atau bersamaan 11,592,389,200 unit saham, manakala pegangan oleh KWSP pula adalah 0.05% atau bersamaan 7,561,740 unit. Bagaimanapun, pada 6 Mei 2014, KWSP telah mengambil keputusan untuk menjual kesemua saham MAS yang dimiliki. Maklumat lanjut mengenai pegangan saham MAS oleh Khazanah dan KWSP mengikut tahun boleh diperolehi dari Laporan Tahunan MAS yang beraudit.

Sehingga kini, Khazanah telah melabur kira-kira RM5.1 bilion ke dalam MAS menerusi langganan tiga terbitan hak dan Saham Keutamaan Boleh Ubah Boleh Tebus (*Redeemable Convertible Preference Shares* atau RCPS). KWSP pula pada masa ini sudah tidak mempunyai sebarang pelaburan dalam bentuk pinjaman atau bon terhadap MAS di mana pembiayaan terakhir yang diberi kepada MAS adalah pada tahun 1994

berjumlah RM200 juta dan pinjaman itu telah pun dibayar balik sepenuhnya pada tahun 2004.